

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HJ ZAINUDIN BIN ISMAIL
[JELEBU]**

TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dato' Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a. Pelan induk yang akan dilaksanakan bagi memulihkan kembali kawasan Cameron Highlands yang terjejas teruk akibat pencerobohan tanah dan insiden banjir lumpur; dan
- b. Perincian kos yang diperlukan di dalam menjayakan pelan induk membaik pulih kawasan Cameron Highlands.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelan induk yang dilaksanakan bagi memulihkan kembali kawasan Cameron Highlands yang terjejas teruk akibat pencerobohan tanah dan insiden banjir lumpur pada 5 November 2014 ialah **Kajian Semula Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands.**

Pelan induk ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang membolehkan tindakan-tindakan *rehabilitation* (pemulihan), *preservation* (pengekalan) dan *enhancement* (penambahbaikan) dilakukan bagi mengembalikan kegemilangan Cameron Highlands yang dahulunya terkenal sebagai destinasi pelancongan tanah tinggi.

Kerajaan amat memandang serius akan kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur yang melanda Cameron Highlands pada 5 November 2014. Bagi mengekalkan legasi Cameron Highlands sebagai pusat peranginan terkenal di negara ini, tindakan pemulihan Cameron Highlands dilakukan melalui pelbagai agensi kerajaan secara bersepadu seperti berikut:

- i. Menerusi **OP GADING** yang tertumpu kepada penangkapan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan pemusnahan ladang dan premis haram di kawasan tersebut, seramai 280 PATI dari pelbagai negara telah ditangkap dan seluas 1,600 ekar ladang dan tanaman haram telah dimusnahkan setakat 10 Mac 2015. Operasi bersepadu ini melibatkan 500 anggota di lapangan dari 25 buah agensi kerajaan persekutuan dan negeri. Operasi ini

- ii. **Program Penghijauan Cameron Highland** seliaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia menumpukan kepada usaha penanaman pokok-pokok hutan di kawasan rizab perhutanan yang telah dibersihkan dalam gerakan OP GADING. Melalui program pemulihan ini, seluas 1,300 ekar kawasan Hutan Simpan Kekal yang telah diceroboh haram akan dijalankan tanaman semula pokok. Setakat ini sebanyak 3,000 pokok telah ditanam di kawasan rizab hutan Cameron Highland. Aktiviti tanaman pokok hutan ini telah dilakukan sebanyak 2 kali dan yang terkini ialah pada 8 Mac 2015 di Hutan Simpan Siku, Cameron Highland. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) akan menggunakan *Unmanned Aerial Vehicle (UAV)* bagi tugas *surveillance* di kawasan Hutan Simpan Kekal dan juga kawasan tanah kerajaan negeri. Penggunaan aset tersebut diyakini akan memantapkan lagi langkah pencegahan oleh Kerajaan dalam isu penerokaan tanah haram tanah miliknya.

iii. **Rancangan Tebatan Banjir (RTB)** seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Lembah Bertam. Kerja-kerja telah dimulakan pada 20 Januari 2015 dan skop kerja yang terlibat adalah seperti berikut:

- a. Koridor Sungai selebar 40 meter kiri dan kanan sungai;
- b. Panjang sungai lebih kurang 1.7 km;
- c. Rekabentuk yang memenuhi kadar alir air sungai pada bacaan $Q = 220\text{m}^3/\text{s}$;
- d. Menaiktaraf 5 buah jambatan yang berhampiran dengan sungai terbabit;
- e. Memindahkan Dewan Orang Ramai Lembah Bertam ke tapak baru; dan
- f. Sistem amaran banjir kepada penduduk yang tinggal berhampiran.

iv. **Kajian Semula Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands** oleh JPBD, KPKT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **perincian kos** yang diperlukan di dalam membaik pulih kawasan Cameron Highlands adalah seperti berikut:

- a. Kos operasi setahun dalam OPS GADING adalah sebanyak RM 7 juta;
- b. Program Penghijauan Cameron Highlands oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sebanyak RM 54 juta.; dan

- c. Rancangan Tambatan Banjir oleh Jabatan Pengairan dan Saliran sebanyak RM 40 juta.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH : 26 MAC 2015

RUJUKAN : 7576

SOALAN:

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

(a) sebab-sebab mengapa Kementerian memutuskan semua Pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) mesti dilakukan secara online melalui MyEG Services Berhad; dan

(b) dengan keputusan ini, berapakah anggaran pendapatan tambahan MyEG dan bagaimanakah dengan pengagihan pendapatan tambahan ini dengan Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) **Untuk makluman, pelaksanaan penyeragaman pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) untuk semua sektor pekerja asing menerusi perkhidmatan atas talian (*online*) oleh MyEG secara dasarnya adalah untuk menangani isu penyelewengan dan persepsi negatif terhadap JIM, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan kesesakan di pejabat-pejabat Imigresen.**

Untuk makluman, sejak 7 Februari 2011 lagi, KDN telah bersetuju untuk melaksanakan secara rasmi pembaharuan PLKS bagi Pembantu Rumah Asing dan selanjutnya skop kerja yang sama diperluaskan untuk pembaharuan permit kerja bagi pekerja asing, disusuli perjanjian yang ditandatangani antara JIM dan MyEG pada 24 Februari 2012 bagi pelaksanaan perkhidmatan tersebut.

Bermula 1 Disember 2014, pihak Kementerian telah bersetuju untuk melaksanakan *Proof of Concept* (POC) bagi penyeragaman pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) untuk semua sektor pekerja asing menerusi perkhidmatan atas talian (*online*). Adalah didapati bahawa kesesakan dan masalah berbaris panjang di kaunter telah dapat dikurangkan sebanyak 50% selepas pelaksanaan.

Sebagai langkah awal bagi membolehkan majikan/ syarikat diberi peluang untuk membiasakan diri dengan proses PLKS *Online*, pihak JIM telah membenarkan permohonan lanjutan PLKS melalui kaunter JIM sehingga 28 Februari 2015. Namun begitu, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 25 Februari 2015, kebenaran untuk melaksanakan permohonan secara manual di kaunter masih diteruskan sehingga kini.

Walau bagaimanapun, bagi urusan pembaharuan di kaunter, semua majikan/ pengarah syarikat/ pengurus sumber manusia diwajibkan untuk hadir ke kaunter untuk membuat permohonan dan bagi mengelakkan penglibatan pihak ejen yang tidak sah. Pihak majikan akan diambil pengecaman biometrik bagi memastikan syarikat adalah sah dan pekerja asing yang dipohon adalah mengikut peraturan ditetapkan. Ini adalah kerana penglibatan agen yang tidak sah serta individu yang tidak bertanggungjawab boleh memberikan ruang untuk memanipulasi yang boleh memberi kesan buruk terhadap pekerja asing, majikan dan pihak Kerajaan. *Insurance guarantee* (IG) juga diwajibkan bagi setiap pekerja asing dan pihak JIM akan membuat verifikasi pembelian insurans secara online bagi memastikan ketulenan IG.

Pelaksanaan ini diharapkan dapat membuktikan keupayaan untuk meningkatkan kemudahan dan nilai tambah kepada pengguna dan pihak Kerajaan. Pihak Kementerian sentiasa

prihatin akan pengurusan pekerja asing dan akan memastikan penambahbaikan secara berterusan.

- b) Buat masa ini, kadar bayaran sejumlah RM38.00 kepada orang ramai oleh MyEG di bawah aplikasi e-Services adalah termasuk caj RM2.00 yang akan diambil oleh MyEG atas perkhidmatan *e-payment* yang ditawarkan. Baki RM36.00 merupakan caj perkhidmatan yang merangkumi penghantaran pelekat ke rumah pelanggan, pemprosesan permohonan, cetakan pelekat serta caj perkhidmatan untuk penyelarasan permohonan, khidmat bantuan pemeriksaan kesihatan dan proses pengesahan dan pengambilan *thumb print* majikan.